

02 NOV 1999

MAJLIS PEGUAM DIMINTA SIASAT DAKWAAN TERHADAP KARPAL SINGH

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Majlis Peguam harus menyiasat secara tidak berat sebelah dakwaan terhadap peguam Karpal Singh kerana dikatakan melanggar etika profesion guaman.

Setiausaha Kerja Umno Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata inilah masanya bagi Majlis Peguam menunjukkan bahawa ia tidak berat sebelah, mengamalkan ketelusan dan bukan sebuah pertubuhan anti kerajaan.

Beliau juga mahu Majlis mengambil tindakan tegas jika Karpal Singh didapati bersalah.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, Tengku Adnan berkata Karpal Singh telah bertindak melampau apabila menuduh Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Arifin Jaka takut kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan bahawa mahkamah tunduk kepada kerajaan.

Beliau berkata Karpal Singh sering meminta mahkamah memulakan prosiding terhadap orang lain kerana menghina mahkamah sedangkan beliau secara terbuka menghina mahkamah.

"Beliau tidak menunjukkan kesopanan dan ketertiban melalui tingkah laku beliau sebagai peguam dan Anggota Parlimen bagi Jelutong", kata beliau.

-- BERNAMA

MHI FAZ